DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

TEMU DUGA TERBUKA SKIM PERKHIDMATAN PERSONEL MySTEP

Dewan Bahasa dan Pustaka dengan ini mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang daripada 18 tahun untuk menghadiri temu duga terbuka bagi jawatan seperti yang berikut:

Jawatan	Kekosongan	Kadar Upah (RM)	Tarikh/Tempat/Masa Temu Duga
Eksekutif Bahasa	8	2,300.00	5 November 2026 (Khamis) Dewan Dato' Hassan Ahmad, Aras 2, Menara DBP, 50460 Kuala Lumpur. 9.00 pagi – 4.30 petang (sesi pendaftaran akan ditutup pada 3.00 petang)

Jawatan	:	**Eksekutif Bahasa**
Kelayakan Akademik	:	Ijazah sarjana muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
Syarat Kelayakan Bahasa Melayu	:	Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
Keperluan bidang/ pengalaman bekerja	:	Keutamaan kepada pemohon yang mempunyai: • Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Linguistik Bahasa Arab/Linguistik Bahasa Jerman/Usul Fiqh/Usuluddin/Pengajian Islam/Linguistik/Sastera/Penerbitan. • menguasai tatabahasa dan terjemahan serta mempunyai pengetahuan bahasa Arab/Jerman. • berpengalaman dalam bidang Linguistik Arab/Pendidikan Agama Islam/Penerbitan/Editorial/Penulisan Jurnal/Artikel/bahasa lain. • mempunyai pengalaman dan mahir dalam pengendalian data berasaskan komputer.
Kemudahan	:	Cuti Rehat, Cuti Sakit, Caruman KWSP dan Caruman PERKESO.
Ujian bertulis	:	Calon yang turut berminat menghadiri temu duga untuk menangani Projek Ensiklopedia Fiqh dikehendaki hadir **sebelum pukul 9.00 pagi bagi persediaan ujian bertulis** sebelum temu duga dilaksanakan.
Kemudahan	:	Cuti Rehat, Cuti Sakit, Caruman KWSP dan Caruman PERKESO.

1. DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

Calon perlu menyediakan dan membawa dokumen untuk diserahkan kepada urus setia pada hari temu duga seperti yang berikut:

i. **Borang permohonan jawatan kosong Personel MySTEP** (seperti pada **Lampiran 1**) yang telah **lengkap diisi**.

ii. Gambar berukuran pasport hendaklah **dilekatkan pada borang permohonan** jawatan kosong.

iii. **Resume**.

iv. **Salinan dokumen (tidak dikembalikan)**: Kad Pengenalan, sijil/transkrip akademik (Ijazah/diploma/Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)/Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)/Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/Sijil

Vokasional Malaysia (SVM)/Penilaian Menengah Rendah (PMR)/Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan).

v. **Dokumen asal**: Kad Pengenalan, sijil/transkrip akademik (Ijazah/diploma/STPM/STAM/SPM/SVM PMR/PT3 atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan) dan sijil-sijil anugerah/kokurikulum dan yang berkaitan.

2. SYARAT MENGHADIRI TEMU DUGA

i. Membawa dokumen yang diperlukan.

ii. **Berpakaian kemas dan formal** semasa menghadiri temu duga.

iii. Memenuhi syarat lantikan yang ditetapkan.

iv. **Hadir dalam tempoh waktu yang ditetapkan**.

Nota: Bagi mengelakkan kesesakan di kawasan temu duga, hanya calon yang hendak menghadiri temu duga sahaja dibenarkan berada di kawasan temu duga. Ahli keluarga dan pengiring tidak dibenarkan masuk. Mohon kerjasama calon untuk beredar dari kawasan temu duga dengan kadar segera setelah selesai menghadiri temu duga.

3. KEPUTUSAN TEMU DUGA

i. Hanya **calon berjaya** dan **calon simpanan** sahaja yang akan **dimaklumkan secara rasmi melalui surat/e-mel**.

ii. **Calon yang tidak menerima jawapan** dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tarikh temu duga ini dianggap tidak berjaya.

iii. Segala keputusan dalam urusan temu duga ini **muktamad** dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.

4. PERTANYAAN DAN MAKLUMAT LANJUT BERKAITAN TEMU DUGA

i. Segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan temu duga ini adalah di bawah tanggungan sendiri.

ii. Sebarang pertanyaan, sila hubungi Unit Perjawatan melalui talian 03–2147 9346/9331 atau e-mel pengambilanmystep@dbp.gov.my .

Iklan kekosongan jawatan ini juga dipaparkan pada laman web rasmi Dewan Bahasa dan Pustaka (https://lamanweb.dbp.gov.my/jawatan-kosong)

Lampiran 1

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

Gambar
Berukuran
Pasport

PERMOHONAN JAWATAN
PERSONEL MYSTEP

1. JAWATAN YANG DIMOHON

2. MAKLUMAT PEMOHON

Nama					
No. Kad Pengenalan		**Tarikh Lahir**		**Umur**	
Tempat Lahir		**Alamat**			
Taraf Perkahwinan					
E-mel		**No. Telefon Rumah**			
Kewarganegaraan		**No. Telefon Bimbit**			
Bangsa		**Agama**		**Jantina**	
Pengetahuan Bahasa					
Pengetahuan Komputer					
Kelulusan Khas					

3. MAKLUMAT IBU BAPA

Nama Bapa		**Nama Ibu**	
No. Kad Pengenalan		**No. Kad Pengenalan**	
Tempat Lahir		**Tempat Lahir**	

4. KELULUSAN IJAZAH/DIPLOMA

Institusi Pengajian	Tahun	Kelulusan/Bidang Pengajian	Pencapaian

5. KELULUSAN PERINGKAT MENENGAH

Peringkat	Tahun	Pencapaian	Bil. Subjek	B. Melayu	B. Inggeris	Matematik
STPM						
SPM						
SRP/PMR						

6. PENGALAMAN KERJA

Bil.	Jawatan	Majikan	Gaji (RM)	Tempoh (mulai-hingga)

7. KEGIATAN SUKAN/SOSIAL/KESATUAN/KESENIAN

Jenis	Taraf Perwakilan/Jawatan	Tempoh	
		Mulai	Hingga

8. KERTAS PENYELIDIKAN ILMIAH YANG TELAH DIHASILKAN (Tajuk Kertas/Kajian di Peringkat Pengajian Tinggi)

9. BIASISWA/PINJAMAN

Biasiswa/Pinjaman	Tahun Diluluskan	Tempoh Bayaran Balik	Tarikh Tamat

10. KEMAHIRAN DAN KETERANGAN LAIN BERKAITAN DENGAN JAWATAN YANG DIMOHON

11. PERUJUK DIRI

(Sila nyatakan seorang yang bukan saudara yang dapat memberi akuan tentang kelulusan dan pengalaman akademik/ikhtisas anda)

Nama					
Alamat					
No. Kad Pengenalan				**Hubungan**	
Pekerjaan				**E-mel**	
No. Telefon Pejabat		**No. Telefon Rumah**		**No. Tel. Bimbit**	

12. PERAKUAN PEMOHON

Saya mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan adalah benar. Sekiranya maklumat tersebut didapati palsu, permohonan saya akan terbatal dan jika saya telah ditawarkan jawatan, saya bersetuju perkhidmatan saya ditamatkan dengan serta-merta.

Tarikh: .....

.....

Tandatangan Pemohon